



## **ANUGERAH KECEMERLANGAN DAN INOVASI PENGAJARAN & PEMBELAJARAN (AKIPP) 2022**

### **SYARAT DAN PERATURAN ANUGERAH AHLI AKADEMIK HARAPAN**

#### **ASAS ANUGERAH**

1. Anugerah Ahli Akademik Harapan bertujuan memberi pengiktirafan kepada ahli akademik berkemampuan dan berkaliber yang berumur tidak melebihi 40 tahun.
2. Penerima Anugerah Ahli Akademik Harapan ialah seorang ahli akademik yang mempamerkan potensi dalam pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan, keterserahan dan kepimpinan di peringkat kebangsaan atau antarabangsa.
3. Calon hanya boleh menerima anugerah ini sekali sahaja.

#### **SYARAT PERMOHONAN**

Anugerah akan dipertimbangkan bagi calon yang telah:

1. Berumur tidak melebihi **40 tahun pada 1 Januari 2022**.
2. Berkhidmat sebagai pensyarah di UMS selama sekurang-kurangnya **5 tahun secara kumulatif** dalam kerjaya akademik.
3. Menerajui bidang pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi, perkhidmatan dan kepimpinan akademik secara **holistik**.
4. Mempamerkan wawasan hala tuju dalam kerjaya akademik.
5. Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan butir jaya diri (*curriculum vitae*) terkini beserta bukti sahih dan lengkap untuk menyokong pencapaian.

## **KRITERIA PENILAIAN**

Kriteria penilaian merangkumi pencapaian seperti di bawah:

- i) Pengajaran dan pembelajaran
- ii) Penemuan ilmu (penyelidikan dan penerbitan)
- iii) Penjanaan nilai untuk UMS/Negara
- iv) Kepimpinan dan potensi sumbangan kepada masyarakat